Pendakwa Raya lwn Hafifah Hanisah bt Ishak dan lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — PERMOHONAN SEMAKAN JENAYAH NO JA-43-[49 HINGGA 60]-09 TAHUN 2024
ABU BAKAR KATAR H
9 OKTOBER 2024

Prosedur Jenayah — Bidang kuasa mahkamah — Mahkamah majistret — Bidang kuasa majistret di bawah s 118 Kanun Tatacara Jenayah — Bon bagi kehadiran pengadu dan saksi di bawah s 118 Kanun Tatacara Jenayah — Polis memohon perintah majistret untuk membenarkan penama menandatangani bon di bawah s 118 Kanun Tatacara Jenayah — Majistret membenarkan perintah seperti dipohon — Penolong kanan pendaftar mahkamah rendah membawa permohonan semakan jenayah terhadap keputusan majistret — Sama ada majistret mempunyai bidang kuasa untuk memberi perintah seperti dipohon apabila pegawai penyiasat memohon penama dilepaskan sebagai saksi pendakwaan dengan menandatangani bon di bawah s 118(1) Kanun Tatacara Jenayah — Kanun Tatacara Jenayah ss 118(1) & 323

Tafsiran Statutori — Statut — Kanun Tatacara Jenayah — Tafsiran s 118(1) Kanun Tatacara Jenayah — Bidang kuasa berkaitan pemberian bon di bawah s 118 Kanun Tatacara Jenayah — Niat Badan Parlimen semasa menggubal s 118(1) Kanun Tatacara Jenayah — Sama ada terdapat lencongan yang besar dalam Borang 25 yang tidak dapat diselamatkan oleh ss 62 dan 71 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 — Akta Tafsiran 1948 dan 1967 ss 62 & 71 — Kanun Tatacara Jenayah s 118(1)

Ini merupakan suatu permohonan semakan jenayah di bawah s 323 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') yang dibuat oleh penolong kanan pendaftar, Mahkamah Rendah Malaya, Johor Bahru yang melibatkan 12 kes jenayah. Memandangkan kesemua kes tersebut menimbulkan persoalan undang-undang yang sama, timbalan pendakwa raya bersetuju agar semakan ditumpukan kepada Kes 49 yang melibatkan Hafifah bt Ishak ('Hafifah'). Berhubung dengan Kes 49, tiga individu telah dipertuduh dengan kesalahan mengedar dadah manakala Hafifah pula telah diarahkan oleh Pejabat Pengarah Pendakwaan Negeri untuk dilepaskan di bawah s 118 KTJ dan dijadikan saksi pendakwaan. Pegawai penyiasat seterusnya telah membuat permohonan kepada majistret di bawah s 118 KTJ untuk membenarkan Hafifah menandatangani bon dalam Borang 25 untuk hadir memberi keterangan di mahkamah majistret ('lampiran 1'). Majistret telah membenarkan perintah seperti dipohon ('PSP/perintah majistret') dan bon tersebut kemudiannya telah ditandatangani oleh Hafifah dan majistret tersebut. Lantaran itu,

permohonan semakan jenayah semasa telah difailkan di mana isu yang berbangkit adalah sama ada majistret mempunyai bidang kuasa untuk memberi 'PSP' apabila pegawai penyiasat memohon agar Hafifah dilepaskan sebagai saksi pendakwaan dengan menandatangani bon di bawah s 118(1) KTJ.

Diputuskan, mengakas perintah majistret:

(1) Dalam membuat tafsiran statut, kuasa mahkamah adalah terhad iaitu mengikut niat Badan Parlimen semasa menggubal sesuatu Akta. Mahkamah berpendapat bahawa badan Parlimen semasa menggubal peruntukan s 118(1) KTJ secara jelas dan nyata memberi kuasa kepada 'pegawai yang membuat penyiasatan itu' untuk mengenal pasti saksi yang berkaitan dan menandatangani bon yang ditetapkan sebagaimana Borang 25, Jadual Kedua kepada KTJ. Selain itu, mahkamah mendapati bahawa s 118 KTJ diletakkan di bawah Bahagian V KTJ iaitu 'Maklumat Kepada Polis dan Kuasa Mereka Untuk Menyiasat' dan nota birai s 118 KTJ juga merujuk kepada 'pegawai polis' dan bukannya mahkamah majistret. Oleh itu, majistret tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar permohonan yang difailkan oleh pegawai penyiasat dan selanjutnya memberi 'PSP' (lihat perenggan 26–29).

(2) Borang 25 yang diperuntukkan di dalam KTJ secara jelas tidak mengandungi ruangan hakim/majistret/pendaftar untuk menandatanganinya namun Borang 25 dalam Kes 49 ('lampiran 7') telah dilencongkan oleh pihak polis dengan meletakkan ruangan tandatangan hakim/majistret/pendaftar. Lencongan tersebut adalah begitu besar sehingga memberi gambaran bahawa saksi perlu menandatangani bon di bawah s 118 KTJ di hadapan majistret. Secara jelas ianya tidak termasuk dalam frasa 'no substantial effect and is not calculated to mislead' yang diperuntukan di bawah s 62 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 ('Akta 388'). Selain itu, mahkamah mendapati bahawa pihak polis juga telah melakukan lencongan yang begitu besar apabila meminda Borang 25 dengan menambah perenggan baru bagi membolehkan penjamin turut menandatangani Borang 25 sedangkan tiada peruntukan di bawah s 118 KTJ yang memerlukan penjamin untuk menandatanganinya. Mahkamah berpendapat pihak polis tidak boleh berselindung di bawah s 71 Akta 388 bagi isu ini (lihat perenggan 30–31, 38–39 & 41).

(3) Berdasarkan alasan-alasan di atas, mahkamah berpendapat bahawa majistret tidak mempunyai kuasa untuk mendengar permohonan pegawai penyiasat di lampiran 1. Mahkamah menggunakan kuasa semakan yang ada memerintahkan seperti berikut: (a) perintah majistret bagi Kes 49 diakaskan; (b) bon di lampiran 7 bagi Kes 49 berlaku lencongan yang besar dan tidak dapat diselamatkan mengikut peruntukan ss 62 dan 71 Akta 388, dan ketidakpatuhan Polis Diraja

Malaysia ('PDRM') ini menyebabkan Borang 25 (lampiran 7) tidak sah; (c) pihak PDRM diberi kebebasan untuk mengambil tindakan semula dengan mematuhi peruntukan s 118 KTJ dan Borang 25 yang ditetapkan di bawah KTJ tanpa apa-apa lencongan dilakukan; dan (d) keputusan Kes 49 mengikat 11 kes yang lainnya sebagaimana yang dipersetujui oleh pihak-pihak (lihat perenggan 51).

[English summary

This was an application for criminal revision under s 323 of the Criminal Procedure Code ('the CPC') made by the senior assistant registrar, Malaya Subordinate Court, Johor Bahru involving 12 criminal cases. As all the cases raised the same question of law, the deputy public prosecutor agreed that the revision should focus on Case 49 involving Hafifah bt Ishak ('Hafifah'). In relation to Case 49, three individuals were charged with drug trafficking while Hafifah was directed by the Office of the Director of State Prosecutions to be released under s 118 of the CPC and to be made a prosecution witness. The investigating officer then made an application to the magistrate under s 118 of the CPC to allow Hafifah to sign a bond in Form 25 to appear and give evidence in the magistrate's court ('encl 1'). The magistrate granted the order in terms ('PSP/magistrate's order') and the bond was subsequently signed by Hafifah and the magistrate. Subsequently, the present criminal revision application was filed where the issue that arose was whether the magistrate had the jurisdiction to grant a 'PSP' when the investigating officer applied for Hafifah to be released as a prosecution witness by signing a bond under s 118(1) of the CPC.

Held, setting aside the magistrate's order:

(1) In interpreting a statute, the power of the court was limited, namely according to the intention of the Parliament when enacting an Act. The court opined that the Parliament when enacting the provision of s 118(1) of the CPC clearly and expressly empowered 'the officer making the investigation' to identify relevant witnesses and sign the bond prescribed as per Form 25, Second Schedule to the CPC. In addition, the court found that s 118 of the CPC was placed under Part V of the CPC, namely 'Information to Police and Their Powers to Investigate' and the marginal note to s 118 of the CPC also referred to 'police officer' and not the magistrate's court. Therefore, the magistrate did not have jurisdiction to hear the application filed by the investigating officer and further grant a 'PSP' (see paras 26–29).

(2) Form 25 provided in the CPC clearly did not contain a signing space for the judge/magistrate/registrar, but Form 25 in Case 49 ('encl 7') was deviated by the police by placing a space for the judge/magistrate/registrar's signature. The deviation was so substantial that it gave the impression that the witness had to sign the bond under

s 118 of the CPC in front of the magistrate. It clearly did not fall within the phrase 'no substantial effect and is not calculated to mislead' provided under s 62 of the Interpretation Acts 1948 and 1967 ('Act 388'). In addition, the court found that the police had also committed a substantial deviation when amending Form 25 by adding a new paragraph to allow the surety to also sign Form 25 when there was no provision under 118 of the CPC requiring the surety to sign it. The court was of the view that the police could not seek cover under s 71 of Act 388 for this issue (see paras 30–31, 38–39 & 41).

(3) Based on the above reasons, the court was of the opinion that the magistrate did not have the power to hear the application of the investigating officer in encl 1. The court in exercising its revisionary powers ordered as followed: (a) the magistrate's order in Case 49 was set aside; (b) the bond in encl 7 in Case 49 was subject to significant deviation and could not be saved by the provisions of ss 62 and 71 of Act 388, and such non-compliance by the Royal Malaysian Police ('PDRM') rendered Form 25 (encl 7) invalid; (c) the PDRM was granted the liberty to take a fresh action by complying with the provisions of s 118 of the CPC and Form 25 as prescribed under the CPC without any deviation being made; and (d) the decision in Case 49 was binding on the other 11 cases as agreed by the parties (see para 51).]

Kes-kes yang dirujuk

Karpal Singh & Anor v PP [1991] 2 MLJ 544, MA (dirujuk)
Liaw Kwai Wah & Anor v PP [1987] 2 MLJ 69; [1987] CLJ Rep 163; [1987] 1 CLJ 35, MA (diikut)
Malaysian Trustees Bhd v Pilecon Engineering Bhd [2019] 11 MLJ 537; [2019] 4 CLJ 366, MT (dirujuk)
PP v H Chamras Tasaso [1975] 2 MLJ 44; [1975] CLJU 129 (dirujuk)
Sime Darby Ara Damansara Development Sdn Bhd v Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri [2023] 8 MLJ 294; [2022] 1 LNS 2752, MT (diikut)
Wong Ah Hee @ Wong Ah Mooi & Anor v Low Tuck Hoong [1993] MLJU 183; [1994] 2 CLJ 313, MT (diikut)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 s 39B
Akta Tafsiran 1948 dan 1967 ss 62, 71
Kanun Keseksaan s 34
Kanun Tatacara Jenayah ss 49, 97, 118, 118(1), (2), (3), 323, 323(1), Bahagian V, Bab XIII, Jadual Kedua, Borang 20, 25

Rosli bin Kamaruddin (Muhammad Zahier bin Rosli bersamanya) (Rosli Kamaruddin & Co) untuk amicus curae.
Subash a/l Ramasamy (Chand, Jag & Assoc) untuk amicus curae.

Muhammad Syafiq bin Mohd Ghazali (Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor) bagi pihak pendakwaan.

Abu Bakar Katar H:

PENGENALAN

[1] Semasa Tuan Muhammad Fitri bin Mokhtar, Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Rendah Malaya, Johor Bahru ('PKPMRen') menjalankan tugas-tugasnya di Pejabat Pendaftaran Bahagian Jenayah/Sivil, Mahkamah Rendah, Johor Bahru, beliau menyedari terdapat permohonan pihak polis dibawah s 118(1) Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') memohon majistret untuk membenarkan saksi pihak polis menandatangani bon untuk hadir memberi keterangan di mahkamah majistret.

[2] PKPMRen yang amat teliti dan penuh dengan rasa tanggungjawab membawa perhatian isu ini ke Mahkamah Tinggi bagi tujuan semakan dibawah s 323 KTJ khasnya sama ada majistret mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan mengeluarkan perintah yang dipohon oleh pihak polis lazimnya pegawai penyiasat kes.

[3] PKPMRen secara jujurnya memaklumkan amalan ini telah berlarutan sejak dahulu lagi tanpa diberi perhatian dari sudut undang-undang.

[4] PKPMRen telah menghantar rekod prosiding ke Mahkamah Tinggi membabitkan 12 kes seperti dibawah:

Bil	No Kes Mahkamah Majistret	No Kes Mahkamah Tinggi
1	JA-89–1453–09 Tahun 2024	JA-43–49–09 Tahun 2024
2	JA-89–1450–09 Tahun 2024	JA-43–50–09 Tahun 2024
3	JA-89–1438–09 Tahun 2024	JA-43–51–09 Tahun 2024
4	JA-89–1425–09 Tahun 2024	JA-43–52–09 Tahun 2024
5	JA-89–1298–08 Tahun 2024	JA-43–53–09 Tahun 2024
6	JA-89–1350–08 Tahun 2024	JA-43–54–09 Tahun 2024
7	JA-89–1266–07 Tahun 2024	JA-43–55–09 Tahun 2024
8	JA-89–1269–07 Tahun 2024	JA-43–56–09 Tahun 2024
9	JA-89–1270–07 Tahun 2024	JA-43–57–09 Tahun 2024
10	JA-89–1291–08 Tahun 2024	JA-43–58–09 Tahun 2024
11	JA-89–1292–08 Tahun 2024	JA-43–59–09 Tahun 2024
12	JA-89–1297–08 Tahun 2024	JA-43–60–09 Tahun 2024

[5] Sebelum pendegaran semakan bermula, Tuan Hj Rosli bin Kamaruddin dan Encik R Subash yang bertindak sebagai 'amicus curiea' dan timbalan

pendakwa raya ('TPR') menzahirkan persetujuannya agar semakan ini ditumpukan kepada Permohonan Semakan Jenayah No JA-49–09 Tahun 2024 ('Kes 49') sahaja dan keputusan Kes 49 ini mengikat 11 kes yang lainnya. Mahkamah ini berpendapat 11 KES yang lainnya membabitkan persoalan undang-undang yang sama sebagaimana Kes 49.

LATAR PENTAS KES

[6] Secara ringkasnya fakta Kes 49 seperti berikut: ekoran dari Setia Indah Report No: 10657/2024, Insp Muhammad Khairul Izhar bin Rabii (pengadu), Pejabat Pasukan Tindakan Khas JSJN, Bukit Aman bersama sepasukan anggota polis dengan dipandu arah oleh OYDS (Mohamad Faiz bin Mohd Solehan) ke premis yang beralamat A-G-02, Pangsapuri Permata Austin, Jalan Austin Perdana 1, Taman Perdana, 81100, Johor Bahru.

[7] Sebaik sampai di alamat tersebut, pengadu telah menggunakan kad akses dan kunci yang dirampas telah membuka pintu lobi dan pintu rumah tersebut yang turut disaksikan bersama OYDS. Kemudiannya OYDS telah membawa pengadu menuju ke Bilik No 1 (sebelah kiri) dan OYDS dengan kedua-dua tangannya bergari telah menunjukkan ke arah dadah yang berada di atas lantai bilik tersebut. Pengadu kemudiannya telah membuat pemeriksaan dan menjumpai:

(a) Satu bag bagasi bercorak hati berwarna-warni di dalamnya mengandungi dadah-dadah seperti berikut:

(i) tiga bungkusan plastik berwarna putih bertulisan chrysanthemum tea di dalamnya masing-masing mengandungi plastik lutsinar berisi ketulan kristal dadah jenis syabu (A/B: 3,112g);

(ii) satu plastik lutsinar berisi ketulan kristal disyaki dadah jenis syabu (A/B: 869g);

(iii) tiga bungkusan plastik lutsinar masing-masing berisi ketulan/serbuk warna putih disyaki dadah jenis heroin (A/B: 1,375g); dan

(iv) satu plastik lutsinar di dalamnya berisi pil-pil berwarna merah/hijau disyaki pil YABA (A/B: 125g).

[8] Pengadu telah merampas ke semua barang kes dadah untuk tindakan lanjut. Pengadu turut mengeluarkan Borang Bongkar ke atas OYDS. Pengadu selanjutnya telah membuat laporan polis berkaitan rampasan dadah sebagaimana Setia Indah Report No: 010658/2024.

[9] Siasatan telah dijalankan oleh Insp Ahmad Hafiz bin Amirudin, pegawai penyiasat, IPD Johor Bahru Selatan, Johor. Sebaik kertas siasatan

dilengkapkan, pegawai penyiasat telah merujuk kertas siasatan ke Pejabat Pengarah Pendakwaan Negeri ('PPN') untuk arahan pendakwaan. PPN telah mengarahkan agar B1, A11 dan A12 dituduh atas tiga pertuduhan mengedar dadah berbahaya di bawah s 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta itu') dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan.

[10] PPN telah mengarahkan B2 (Hafifah Hanisah bt Ishak) (penama) dilepaskan dibawah s 118 KTJ dan dijadikan saksi pendakwaan.

[11] Insp Ahmad Hafiz, pegawai penyiasat kemudiannya telah memohon melalui suratnya bertarikh 19 September 2024 agar penama dibebaskan dengan jaminan di bawah s 118 KTJ.

[12] Pada hari yang sama, puan majistret telah mendengar permohonan di kandungan (1) dan membenarkan 'perintah seperti di pohon' ('PSP').

[13] Sebaik puan majistret itu memberikan 'PSP', penama telah menandatangani *bon untuk mendakwa atau memberi keterangan*. Jaminan ditetapkan dengan RM20,000 (tanpa cagaran). Bon tersebut turut ditandatangani oleh puan majistret itu.

MERIT PERMOHONAN SEMAKAN JENAYAH

[14] Sebelum mahkamah ini menyentuh merit semakan ini, eloklah diperturunkan peruntukan s 323(1) KTJ yang memperuntukkan seperti berikut:

> s 323(1) A Judge may call for and examine the record of any proceeding before any subordinate Criminal Court for the purpose of satisfying himself as to the correctness, legality or propriety of any finding, sentence or order recorded or passed, and as to the regularity of any proceedings of that subordinate Court.

[15] Mahkamah ini sedar tujuan kuasa semakan ini ada dirungkai dalam kes tersohor *Liaw Kwai Wah & Anor v Public Prosecutor* [1987] 2 MLJ 69; [1987] CLJ Rep 163; [1987] 1 CLJ 35 di mana YAA Abdul Hamid KHN (pada ketika itu) menyatakan seperti berikut:

> We would observe that the power of revision is to be exercised in accordance with the law for the time being in force relating to criminal procedure. In the present case that law is the Criminal Procedure Code. We would also observe that the object of the revisionary powers provided for in the Code is: ... to confer upon criminal courts a kind of paternal or supervisory jurisdiction, in order to correct miscarriage of justice arising from misconception of law, irregularity of procedure, neglect of proper precautions or apparent harshness of treatment, which has resulted on the one hand in some injury to the due maintenance of law and order, or on the other hand, in some undeserved hardship to individuals.

[16] Berbekalkan prinsip undang-undang yang digariskan dalam kes *Liaw Kwai Wah & Anor*, mahkamah ini akan meneliti rekod prosiding sama ada terdapat sebarang kecacatan atau ketidakaturan yang memerlukan mahkamah ini menggunakan kuasa semakannya. Mahkamah ini akan menumpukan kepada isu utama iaitu *sama ada Puan majistret itu mempunyai bidang kuasa untuk memberi 'PSP' apabila pegawai penyiasat memohon penama dilepaskan sebagai saksi pendakwaan dengan menandatangani bon di bawah* s 118(1) KTJ?

[17] TPR yang terpelajar secara ringkasnya menghujahkan peruntukan s 118(1) KTJ merujuk kepada kuasa pihak polis dan bukannya kuasa mahkamah majistret. Beliau merujuk peruntukan s 118 KTJ diletakkan di bawah Bab V iaitu kuasa-kuasa pegawai polis. Sekiranya situasi memerlukan saksi untuk menandatangani bon, ianya boleh ditandatangani tanpa melibatkan pihak mahkamah majistret. TPR yang terpelajar turut menghujahkan jika dilihat peruntukan s 118(2) KTJ, tiada keperluan untuk saksi hadir di hadapan mahkamah majistret. Pihak pegawai polis hanya perlu menghantar salinan bon kepada mahkamah majistret. Penglibatan mahkamah majistret jika saksi enggan menandatangani bon, peruntukan s 118(3) KTJ membolehkan mahkamah majistret mengeluarkan suatu waran atau saman untuk memastikan saksi hadir memberikan keterangan. Pada akhirnya TPR yang terpelajar menghujahkan amalan PDRM yang dilakukan selama ini tidak teratur dan bercanggah dengan kehendak s 118(1) KTJ.

[18] Mahkamah ini telah memberikan keizinan kepada Tuan Hj Rosli bin Kamaruddin dan Encik R Subash sebagai peguam 'amicus curiea'. Kedua-dua peguam 'amicus curiea' yang terpelajar mengambil pendirian yang sama dengan TPR yang terpelajar. Peruntukan s 118(1) KTJ dikhususkan kepada pegawai polis yang menjalankan siasatan dan tidak berkaitan dengan mahkamah majistret.

[19] Peguam Tuan Hj Rosli bin Kamaruddin, peguam 'amicus curiea' yang terpelajar secara ringkasnya menghujahkan tiada keperluan pihak polis memohon kepada mahkamah majistret untuk membolehkan saksi menandatangani bon dibawah s 118(1) KTJ. Beliau selanjutnya menghujahkan jika diteliti Borang 25 yang asal tiada ruangan tandatangan hakim/majistret/pendaftar. Sebaliknya, Borang 25 yang pihak PDRM gunakan berbeza sebagaimana lampiran 7. Peguam Tuan Hj Rosli selanjutnya menghujahkan s 62 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 memperuntukkan apabila undang-undang bertulis memperuntukkan sesuatu borang, ianya tidak boleh menjadi tidak sah apabila berlaku sedikit perubahan jika ianya 'no substantial effect and is not calculated to mislead'. Dalam Kes 49, Borang 25 telah mengubah kehendak undang-undang apabila saksi menandatangani bon di hadapan majistret. Peguam Tuan Hj Rosli turut merujuk kepada Permohonan Jenayah di mahkamah majistret, Shah Alam melibatkan kes GISBH di mana

A majistret telah menolak permohonan bon dibawah s 118(1) KTJ atas alasan tiada pendakwaan telah dilakukan atas seseorang dan tiada alasan mengesyaki yang munasabah untuk mewajarkan prosiding jenayah dimulakan.

B **[20]** Pada akhirnya beliau menghujahkan tindakan pihak polis untuk saksi menandatangani bon dalam Borang 25 tidak mengikut kehendak undang-undang.

C **[21]** Encik R Subash peguam 'amicus curiea' yang terpelajar menghujahkan peruntukan s 118(1) KTJ digubal khas untuk pihak polis dan bukannya mahkamah. Beliau merujuk Buku Teks bertajuk 'The Criminal Procedure Code A Commentary, Third Edition, Srimurugan Alagan, Sweet & Maxwell' di halaman 223, perenggan 118–1 menyentuh kuasa-kuasa pegawai polis yang menjalankan siasatan.

D **[22]** Beliau selanjutnya membandingkan peruntukan s 49 KTJ di mana badan Parlimen secara jelasnya memberi kuasa kepada mahkamah. Pemakaian s 49 KTJ ada di sentuh dalam penghakiman YA Hashim Yeop A Sani H dalam kes *Public Prosecutor v H Chamras Tasaso* [1975] 2 MLJ 44; [1975] CLJU 129.

E **[23]** Sebelum menoktahkan hujahannya, Encik R Subash peguam 'amicus curiea' yang terpelajar melontarkan pandangannya adakah PDRM boleh berselindung dengan amalan yang diterima oleh mahkamah selama ini bagi memintas peruntukan undang-undang khasnya s 118(1) KTJ?

F **[24]** Mahkamah ini dirujuk kes *Sime Darby Ara Damansara Development Sdn Bhd v Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri* [2023] 8 MLJ 294; [2022] 1 LNS 2752 di perenggan 47–48 yang memutuskan amalan yang dikuti secara berterusan tidak boleh mengatasi peruntukan undang-undang.

G **[25]** Sebelum mahkamah ini menyentuh isu ini dengan lebih lanjut, eloklah dirujuk peruntukan s 118(1) KTJ yang berbunyi seperti berikut:

> 118(1) Jika apabila suatu penyiasatan polis dibuat di bawah Bab ini didapati oleh pegawai yang membuat penyiasatan itu bahawa terdapat keterangan yang mencukupi atau alasan mengesyaki yang munasabah untuk mewajarkan prosiding jenayah dimulakan atau diteruskan terhadap mana-mana orang, pegawai itu hendaklah menghendaki pengadu itu, jika ada, dan sekian banyak orang yang didapati oleh pegawai itu mempunyai pengetahuan tentang hal keadaan kes itu, sebagaimana yang difikirkannya perlu, untuk menyempurnakan suatu bon supaya hadir di hadapan mahkamah majistret yang dinamakan dalam bon itu dan memberikan keterangan dalam perkara pertuduhan terhadap tertuduh.

H

I

[26] Mahkamah ini sedar dalam membuat tafsiran statut, kuasa mahkamah terhad iaitu mengikut niat badan Parlimen semasa mengubal sesuatu Akta.

Mahkamah ini merujuk kes *Wong Ah Hee @ Wong Ah Mooi & Anor v Low Tuck Hoong* [1993] MLJU 183; [1994] 2 CLJ 313 di mana YA Dato' Hj Abdul Malik Ishak PK (pada ketika itu) ada memberikan ingatan kepada tugas mahkamah seperti berikut:

> It is now trite law that in construing a statute the duty of the court is limited to interpreting the words used by the Legislature and it has no power to fill in any gaps disclosed. To do so would tantamount to usurping the function of the Legislature. Lord Simonds in *Magor And St Mellons Rural District Council v Newport Corporation* [1952] AC 189 had this to say:
>
> > The duty of the court is to interpret the words that the Legislature has used; those words may be ambiguous, but, even if they are, the power and duty of the court to travel outside them on a voyage of discovery are strictly limited.

[27] Berbekalkan panduan dalam kes *Wong Ah Hee @ Wong Ah Mooi & Anor*, mahkamah ini berpendapat badan Parlimen semasa mengubal peruntukan s 118(1) KTJ secara jelas dan nyata memberi kuasa kepada 'pegawai yang membuat penyiasatan itu' untuk mengenal pasti saksi yang berkaitan dan menandatangani bon yang ditetapkan sebagaimana Borang 25, Jadual Kedua kepada KTJ. Mahkamah ini berpendapat puan majistret itu tidak mempunyai bidangkuasa untuk mendengar permohonan yang difailkan oleh pegawai penyiasat dan selanjutnya memberi 'PSP'. Bagi kemudahan rujukan diperturunkan surat tersebut yang memohon penama dibebaskan dengan menandatangani bon dalam Borang 25, Jadual Kedua kepada KTJ.

(the remainder of this page is intentionally left blank)

A

BAHAGIAN SIASATAN JENAYAH NARKOTIK
IBU PEJABAT DAERAH POLIS
80350 JOHOR BAHRU SELATAN,
JOHOR.

Tel : 07 - 218 2222
Fax : 07 - 218 2397

Kandi. 1

Rujukan: SETIAINDAH/10658/2024
Tarikh: 19 September 2024
19-SEPT-2024 10:00 AM

B

Yang Arif
Tuan / Puan Majistret,
Mahkamah Majistret,
Johor Bahru, Johor.

PERMOHONAN BON MEMBEBASKAN OKT DIBAWAH SEK. 118 KTJ.

C

Pegawai Penyiasat : Insp. Ahmad Hafiz Bin Amirudin
Repot : SETIA INDAH Repot: 10658/2024
Kesalahan : Sek. 39B ADB 1952

(B2) Hafifah Hanisah Binti Ishak **NO.KPT : 850909-01-5046**

Izinkan saya merujuk perkara tersebut di atas.

D

2. Kertas siasatan telah dirujuk ke Pejabat YA TPR Johor pada 17/09/2024 Rujuk Minit ke - (6) YA TPR Johor. Siasatan yang dijalankan dapati penama tidak dapat dikaitkan dengan kes berkaitan memiliki dadah disyaki Syabu, heroin dan pil kuda serta menerima arahan dari YA TPR agar penama dibebaskan sebagai saksi pendakwaan. Oleh yang demikian saya memohon agar penama dibebaskan dengan jaminan di bawah Seksyen 118 KTJ untuk dijadikan saksi pendakwaan.

E

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

F

HAFIZ
(AHMAD HAFIZ BIN AMIRUDIN) INSP
Pegawai Penyiasat,
Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik,
IPD Johor Bahru Selatan,
Johor.

S/N: tY2g/tBpwOG5dKfJarfxc0A
**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

G

S/N K15C6hy10GxJx9c46c1gQ
**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

H

[28] Mahkamah ini turut merujuk nota birai kepada s 118 KTJ menyatakan 'Pegawai Polis boleh menghendaki Bon bagi kehadiran pengadu dan saksi'. Badan Perlimen merujuk secara khusus *'Pegawai Polis' dan bukannya mahkamah majistret*.

I

[29] Mahkamah ini juga berpendapat peruntukan s 118 KTJ diletakkan di bawah Part V, INFORMATION TO POLICE AND THEIR POWERS TO INVESTIGATE, CHAPTER XIII. Sehubungan itu, peruntukan s 118(1) KTJ merujuk kepada pegawai polis yang menjalankan siasatan dan bukannya bidangkuasa mahkamah majistret sebagaimana yang berlaku dalam Kes 49. Mahkamah ini bersetuju dan sependapat dengan hujahan TPR yang terpelajar.

[30] Sebagaimana yang dihujahkan oleh Tuan Hj Rosli, peguam 'amicus curiea' yang terpelajar mahkamah ini merujuk Borang 25 yang diperuntukan di dalam KTJ secara jelas tidak mengandungi ruangan hakim/majistret/pendaftar untuk menandatanganinya. Bagi kemudahan rujukan diperturunkan Borang 25 tersebut.

FORM 25 [Section 118]

BOND TO PROSECUTE OR GIVE EVIDENCE

I of do hereby bind myself to attend at the Magistrate's Court at , at a.m./p.m. on the day of next, and then and there to give evidence in the matter of a charge of against one *A B*; and in case of my making default herein, I bind myself to forfeit to the Yang di-Pertuan Agong the sum of ringgit.

Dated this day of 20 .

Signature

[31] Berbalik kepada Kes 49, mahkamah ini mendapati Borang 25 (lampiran 7) telah pun dilencongkan oleh pihak polis. Borang 25 terdapat ruangan tandatangan hakim/majistret/pendaftar dan ruangan tanda tangan saksi. Sebagai perbandingan, diperturunkan Borang 25 yang telah dilencongkan seperti berikut:

(*the remainder of this page is intentionally left blank*)

JA-99-1653-09/2024
NEGERI JOHOR
Kand. 7
19/09/2024 10:03:24
DALAM MAHKAMAH MAJISTRET
JOHOR BAHRU JABATAN KEHAKIMAN
HIDAYATUL SYUHADA BINTI SHAMSUDIN
Majistret
Mahkamah Majistret
Johor Bahru
HIDAYATUL SYUHADA BINTI SHAMSUDIN
Majistret
Mahkamah Majistret
Johor Bahru

[32] Mahkamah ini berpendapat jika diperhalusi peruntukan s 118(1) KTJ dan dibaca bersama Borang 25, Jadual Kedua kepada KTJ, badan Parlimen secara jelas tidak memberi kuasa kepada mahkamah majistret apabila saksi polis menandatangani bon. Peruntukan ini khas untuk 'pegawai yang membuat penyiasatan itu' mengenalpasti saksi yang diperlukan untuk menandatangani bon dalam Borang 25 yang asal sebagaimana yang disentuh di perenggan 30.

[33] Mahkamah ini merujuk peruntukan lain dalam KTJ, jika badan Parlimen berniat untuk memberi kuasa kepada mahkamah majistret, peruntukan berkaitan secara jelas merujuk mahkamah majistret/majistret. Mahkamah ini sekadar merujuk beberapa contoh dalam penghakiman ini. Peguam Encik R Subash dalam hujahan lisannya ada merujuk peruntukan s 49 KTJ yang berbunyi seperti berikut:

s 49 When any person for whose appearance or arrest any Court is empowered to

issue a summons or warrant is present in the Court it may require that person to execute a bond with or without sureties for his appearance in the Court.

[34] Sebaik Perintah dibawah s 49 KTJ diberikan, perintah yang dizahirkan dalam Borang 20, Jadual Kedua kepada KTJ akan ditandatangani oleh majistret.

[35] Mahkamah ini merujuk peruntukan yang lainnya iaitu s 97 KTJ ada memperuntukkan secara jelas kuasa Majistret Kelas Pertama seperti berikut:

A First Class Magistrate may order any person not to repeat or continue a public nuisance as defined in the Penal Code or any other law in force for the time being.

[36] Perintah yang diarahkan oleh Majistret Kelas Pertama ditandatangani oleh majistret sebagaimana Borang 20, Jadual Kedua kepada KTJ. Bagi kemudahan rujukan diperturunkan seperti berikut:

FORM 20 [Section 97]

ORDER OF MAGISTRATE PROHIBITING THE REPETITION, ETC., OF A NUISANCE

To ..... *of* .....

Whereas it has been made to appear to this Court that, *etc.* (*state the proper recital, guided by* Form No. 17 or Form No. 21, *as the case may be*):

You are hereby ordered and enjoined not to repeat the said nuisance by again placing, or causing, or permitting to be placed, *etc.* (*as the case may be*).

Given under my hand and the seal of the Court, this ..... day of ..... 20 .....

(*Seal*) *Magistrate*

[37] Mahkamah ini sekarang beralih kepada Borang 25 yang telah dilencongkan oleh pihak PDRM sebagaimana Kes 49 di lampiran 7. Peguam Tuan Hj Rosli ada merujuk peruntukan s 62 Akta 1948/1967 setakat mana borang yang ditentukan oleh undang-undang bertulis dibenarkan untuk dilencongkan. Bagi kemudahan rujukan di perturunkan peruntukan s 62 Akta 1948/1967 yang berbunyi seperti berikut:

Any written law prescribing a form shall be deemed to provide that an instrument or other document purporting to be in that form shall not be invalidated by reason of any deviation from the form if the deviation has no substantial effect and is not calculated to mislead.

[38] Bagi tujuan bon yang akan ditandatangani oleh saksi bagi maksud peruntukan s 118(1) KTJ, badan Parlimen telah menentukan borang tersebut sebagaimana Borang 25, Jadual Kedua kepada KTJ. Bagi Kes 49, pihak PDRM

telah melencongkan Borang 25 dengan meletakkan ruangan untuk ditandatangani oleh hakim/majistret/pendaftar. Lencongan itu bukan berakhir setakat itu sahaja, malahan PDRM meminda Borang 25 dengan menambah perenggan baru bagi membolehkan penjamin turut menandatangani Borang 25 tersebut. Dalam konteks Kes 49, penjamin tersebut ialah Hafizah Zaidah bt Ishak (No K/P: 871017–23–5548) yang beralamat di G-23 Blok G, Taman Perumahan Rakyat Iskandar, Pasir Pelangi, 80300 Johor Bahru, Johor.

[39] Mahkamah ini telah meneliti Borang 25 (lampiran 7) bagi Kes 49, mahkamah ini berpendapat lencongan yang telah dilakukan begitu besar iaitu Borang 25 memberi gambaran saksi perlu menandatangani bon dibawah s 118(1) KTJ di hadapan Majistret. Secara jelas ianya tidak termasuk dalam frasa 'no substantial effect and is not calculated to mislead' yang diperuntukan di bawah s 62 Akta 1948/1967.

[40] Mahkamah ini berpendapat peruntukan s 62 Akta 1948/1967 perlu dibaca bersama dengan peruntukan s 71 Akta 1948/1967. Peruntukan s 71 Akta 1948/1967 berbunyi seperti berikut:

> s 71 Save as is otherwise expressly provided, whenever forms are prescribed slight deviations therefrom, not affecting the substance or calculated to mislead, shall not invalidate them.

[41] Mahkamah ini turut berpendapat Borang 25 (lampiran 7) berlaku lencongan yang begitu besar apabila menambah perenggan baru bagi membolehkan penjamin kepada saksi untuk turut menandatangani bon di hadapan hakim/majistret/pendaftar. Sekiranya diamati peruntukan s 118(1) KTJ, tiada peruntukan yang memerlukan penjamin menandatangani bon tersebut. Mahkamah ini berpendapat PDRM tidak boleh berselindung dibawah s 71 Akta 1948/1967 bagi isu ini.

[42] Mahkamah ini merujuk kes *Malaysian Trustees Bhd v Pilecon Engineering Bhd* [2019] 11 MLJ 537; [2019] 4 CLJ 366 di mana YA KK Wong H (pada ketika itu) memutuskan sedikit lencongan dalam Borang 16D Kanun Tanah Negara 1965 tidak menjadikan Borang 16D tidak sah dan bergantung kepada peruntukan s 62 Akta 1948/1967 dan s 71 Akta 1948/1967. Berbalik kepada Kes 49, lencongan yang berlaku dalam Borang 25 (lampiran 7) tidak dapat diselamatkan sebagaimana dalam kes *Malaysian Trustees Bhd*.

[43] Mahkamah ini berpendapat bagi Kes 49 Borang 25 (lampiran 7) yang ditandatangani oleh saksi jelas terdapat lencongan yang besar sehingga tidak dapat diselamatkan dibawah s 62 Akta 1948/1967 dan s 71 Akta 1948/1967.

[44] Sebagaimana yang dihujahkan oleh Encik R Subash, peguam 'amicus curiea' apakah pihak PDRM boleh mengambil pendirian selama ini amalan yang dilakukan bagi permohonan saksi menandatangani bon dibawah s 118(1) KTJ diterima oleh mahkamah seluruh negara. Sehubungan itu, amalan yang telah berlaku untuk tempoh masa yang lama ianya patut diterima dan bukan menyalahi undang-undang.

[45] Mahkamah ini berpendapat PDRM perlulah sedar, badan Parlimen secara jelas telah memberikuasa kepada pegawai polis yang menjalankan siasatan untuk mengunakan budi bicara apabila sesorang itu diperlukan menjadi saksi dan perlu menandatangani bon sebagaimana Borang 25, Jadual Kedua kepada KTJ. Walaupun amalan selama ini pegawai penyiasat akan membuat permohonan kepada mahkamah majistret sebagaimana yang disentuh di perenggan 27 di atas. Amalan yang bercanggah dengan peruntukan undang-undang seharusnya dihentikan. Mahkamah ini dirujuk kes *Sime Darby Ara Damansara Development Sdn Bhd* ada menyentuh amalan yang bercanggah dengan undang-undang seperti berikut:

> [47] More importantly, if any purported 'generally prevailing practice' exists, such practice cannot override or defeat binding Superior Court decisions. In *JM Gomes & Co v Saurajen Visva Nathan* [1954] 1 MLJ 3; [1953] CLJU 34; [1953] 1 LNS 34, the court had held:
>
> > ... even if there was evidence of the existence of such a practice (and there was no such evidence before the learned President), such a practice could not override the express provisions of the rule as to the filing and service of the defence two days before the return date of the summons.
>
> [48] In *Atwood and Others v Sellar & Co* (1879) 4 QBD 342, it was held:
>
> > If a custom prevailing in a court, which, though an inferior court, is still a court of law, if inconsistent with law cannot prevail, surely the same rule must apply to a practice of average adjusters. *When a practice of this kind is brought to the test of legal decision and is found to be erroneous and inconsistent with law, it cannot be permitted to override the law and acquire the force of law*.

[46] Mahkamah ini berpendapat berdasarkan prinsip yang dinyatakan dalam kes *Sime Darby Ara Damansara Development Sdn Bhd*, amalan PDRM memfailkan permohonan di hadapan majistret bagi tujuan saksi menandatangani bon dibawah s 118(1) KTJ bercanggah dengan peruntukan undang-undang.

[47] Mahkamah ini juga merujuk kes *Karpal Singh & Anor v Public Prosecutor* [1991] 2 MLJ 544 di mana YAA Abdul Hamid Omar KHN (pada ketika itu) ada mengingatkan kuasa mahkamah seperti berikut:

> Where the Legislature has provided a particular mode of action or has vested an

authority with powers to act in a particular manner and prescribed the conditions limiting the scope of such action, *the court cannot act outside those powers and conditions*.

[48] Berbalik kepada Kes 49, Badan Parlimen memberi kuasa kepada pegawai polis yang menjalankan siasatan untuk bertindak mematuhi pra syarat yang ditentukan dibawah s 118(1) KTJ. Mahkamah tidak mempunyai kuasa untuk mencampuri urusan PDRM apabila melibatkan saksi untuk menandatangani bon yang ditentukan dalam Borang 25. Peruntukan s 118(2) KTJ dengan jelas memperuntukkan:

(2) Pegawai yang dihadapannya bon itu disempurnakan hendaklah menghantarkan bon itu ke mahkamah majistret itu.

[49] Mahkamah ini berpendapat menjadi tugas kepada pegawai yang disebut di bawah s 118(2) KTJ untuk menghantarkan sesalinan bon yang telah ditandatangani kepada mahkamah majistret bagi tujuan rekod. Badan Parlimen tidak menetapkan cara dan bagaimana penghantaran bon ke mahkamah majistret itu.

[50] Peruntukan s 118(3) KTJ barulah memberi kuasa kepada mahkamah majistret mengeluarkan suatu waran atau saman bagi saksi yang enggan menyempurnakan Bon di bawah s 118(1) KTJ. Di peringkat ini lah baru PDRM membuat permohonan ke mahkamah majistret bagi maksud peruntukan s 118(3) KTJ.

KESIMPULAN

[51] Berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, mahkamah ini berpendapat Puan majistret itu tidak mempunyai kuasa untuk mendengar permohonan pegawai penyiasat di lampiran 1. Mahkamah ini menggunakan kuasa semakan yang ada memerintahkan seperti berikut:

(a) bagi Kes 49, perintah Puan majistret yang diberikan pada 19 September 2024 diakaskan;

(b) bon di lampiran 7 bagi Kes 49 berlaku lencongan yang besar dan tidak dapat diselamatkan mengikut peruntukan s 62 Akta 1948/1967 dan s 71 Akta 1948/1967. Ketidakpatuhan PDRM menyebabkan Borang 25 lampiran 7 tidak sah;

(c) pihak PDRM diberi kebebasan untuk mengambil tindakan semula mematuhi peruntukan s 118(1) KTJ dan Borang 25 yang ditetapkan bawah KTJ tanpa apa-apa lencongan dilakukan; dan

(d) keputusan bagi Kes 49 mengikat 11 kes yang lainnya sebagaimana

dipersetujui oleh pihak-pihak di awal pendengaran permohonan semakan jenayah ini.

Perintah majistret diakaskan.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar